

**MADKHAL  
PEMBANGUNAN KANDUNGAN**

**NAMA KURSUS / TOPIK:**

Pengenalan bagi Ilmu Syariah dan Fiqh

**OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:**

- a) Kursus ini bertujuan memberi pendedahan asas kepada pelajar tentang Syariah Islam/Fiqh secara menyeluruh daripada pelbagai perspektif.
- b) Memberikan pendedahan asas para Ulama' mengeluarkan hukum hakam syara' dengan memahami usul fiqh dalam menentukan hukum
- c) Mengenalpasti aliran mazhab-mazhab fiqh di dalam Syariah.
- d) Menganalisis isu-isu yang berkaitan dengan Ayat Ahkam atau Hadis Ahkam tertentu.

**BAHAGIAN-BAHAGIAN:**

**Bahagian A:** Topik-topik bagi Sesi Modul (1-5) dan Isi kandungan utama..... 2-6

**Bahagian B:** Material Modul bagi Sesi 1-5..... 7-38

## BAHAGIAN A

### **SESI PERTAMA: PENGENALAN SYARIAH & FIQH**

#### **1. HASIL PEMBELAJARAN:**

- a) **Pemahaman tentang Syariah dan Fiqh:** Setelah mempelajari definisi dan makna kedua-dua istilah ini, peserta pembelajaran akan memahami dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan Syariah dan Fiqh dalam konteks Islam. Mereka juga akan dapat membezakan antara keduanya serta mengenal pasti ciri-ciri istimewa yang terdapat dalam konsep Syariah.
- b) **Pemahaman tentang Sumber Hukum Syariah:** Peserta pembelajaran akan belajar mengenai sumber-sumber hukum Syariah, sama ada yang bersifat primer atau sekunder. Mereka akan memahami bagaimana Al-Quran dan Hadis Rasulullah (sumber primer) menjadi asas utama dalam hukum Islam, sementara sumber sekunder, seperti ijma (pengesahan kolektif) dan qiyas (analisis analogi), juga memainkan peranan penting dalam menentukan hukum Syariah.

**2. MASA KURSUS:** 30 minit sahaja

**3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -**

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Definisi, makna bagi Syariah dan Fiqh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerangkan maksud Syariah dan fiqh secara bahasa, dan istilah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10minit</li> </ul>
Persamaan dan Perbezaan Syariah & Fiqh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerangkan hubungan antara kedua-dua istilah ini</li> <li>• Ciri-ciri Istimewa Syariah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 minit</li> </ul>
Sumber-sumber hukum Syariah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber Primer (Al-Adillah al-Raisiyyah)</li> <li>• Sumber Sekunder (Al-Thanawiyyah)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 minit</li> </ul>
Hikmah dan Matlamat Syara'	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hukum - hakam terbina atas maslahah dan menolak kemudaratan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 minit</li> </ul>

## **SESI KEDUA: PERKEMBANGAN ILMU SYARIAH DAN CABANG-CABANGNYA**

### **1. HASIL PEMBELAJARAN:**

- a) **Pemahaman tentang Kepentingan Belajar Syariah dan Fiqh:** Peserta pembelajaran akan memahami mengapa mempelajari ilmu Syariah dan Fiqh adalah penting dalam kehidupan harian. Mereka akan menyedari kelebihan dan manfaat memahami hukum-hukum Islam, termasuk bagaimana ilmu ini dapat memberikan panduan etika, menjaga keselamatan rohani, dan memberi dorongan semangat untuk terus mempelajari lebih lanjut.
- b) **Mengenali cabang cabang ilmu fiqh:** Peserta akan didedahkan dengan pecahan-pecahan perbincangan ilmu fiqh, di mana setiap cabang tersebut memerlukan penelitian yang tertentu bagi memahaminya.

### **2. MASA KURSUS: 30 MINIT**

### **3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>PENERANGAN</b>	<b>MASA CADANGAN</b>
Sejarah ringkas Perkembangan Fiqh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkembangan fiqh Zaman Rasulullah, Sahabat</li> <li>• Zaman Khulafa' Al-Rasyidin</li> <li>• Zaman Keemasan fiqh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 minit</li> </ul>
Pengenalan Cabang-cabang Fiqh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fiqh Ibadat</li> <li>• Fiqh Muamalat</li> <li>• Fiqh Munakahat</li> <li>• Fiqh Siayasah</li> <li>• Fiqh Jinayat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 minit</li> </ul>
Kepentingan belajar ilmu Syariah dan Fiqh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penerangan kelebihan menuntut ilmu Syariah &amp; fiqh</li> <li>• Memberikan semangat dan motivasi untuk belajar Syariah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 minit</li> </ul>

## **SESI KETIGA: PENGENALAN ILMU USUL FIQH**

### **1. HASIL PEMBELAJARAN:**

- Memahami Asas Ilmu Usul Fiqh:** Peserta akan dapat memahami definisi ilmu usul fiqh dan mengenal asas-asas ilmu ini seperti yang diajarkan oleh ulama-ulama terkemuka dalam bidang ini.
- Mengenal Perbezaan Antara Fiqh dan Usul Fiqh:** Peserta akan dapat menjelaskan perbezaan antara fiqh (hukum-hukum Islam yang diterapkan) dan usul fiqh (ilmu yang mengkaji metodologi dan prinsip hukum Islam).
- Pengenalan Bagaimana Ilmu Usul Fiqh Bermula:** Peserta akan dapat memahami dan mengetahui sejarah perkembangan dan permulaan ilmu usul fiqh

### **2. ISI-ISI KANDUNGAN: -**

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pengenalan Usul Fiqh	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkenalkan <i>ta’rif</i> ilmu-ilmu usul fiqh daripada para ulama’</li> <li>Memberikan pengenalan asas ilmu usul fiqh</li> <li>Matlamat usul fiqh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 minit</li> </ul>
Perbezaan fiqh dan usul fiqh	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menerangkan perbezaan fiqh dan usul fiqh</li> <li>Contoh Dalam Fiqh, Usul dan Usul Fiqh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 minit</li> </ul>
Bagaimana ilmu fiqh bermula?	<ul style="list-style-type: none"> <li>Negara-negara Islam makin berkembang pada zaman tabiin</li> <li>Bercampur arab dan ‘ajam</li> <li>Gabenor Abdurrahman al-Mahdi kirim surat kepada Imam asy-Syafi’I, tercetusnya kitab Al-Risalah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 minit</li> </ul>
Peranan Usul Fiqh Dalam Metodologi Istinbat Hukum	<ul style="list-style-type: none"> <li>Neraca dalam menentukan sesuatu hukum berdasarkan sebarang bentuk permasalahan atau isu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 minit</li> </ul>

## **SESI KEEMPAT: MAZHAB FIQH DALAM ISLAM**

### **Hasil Pembelajaran:**

- a) **Memahami sejarah ringkas mazhab-mazhab di dalam Syariah:** Peserta akan dapat mengenali para-para imam mazhab yang masyhur, dan menanamkan rasa cinta dan kasih kepada mereka serta dapat menghormati perbezaan pandangan mereka.
- b) **Memahami usul mazhab-mazhab di dalam Syariah:** Peserta akan dapat memahami metodologi dan alat-alat istinbat yang digunakan oleh para pendokong mazhab bagi mengeluarkan sesuatu hukum daripada nas-nas syara`, dan mendapat faedah bahawa setiap pandangan daripada setiap mazhab adalah berdasarkan metodologi ijihad masing-masing.
- c) **Mengenali kitab-kitab rujukan utama di dalam setiap mazhab:** Peserta akan didedahkan dengan nama-nama kitab yang masyhur di dalam setiap mazhab bagi rujukan di masa akan datang.

### **2. Isi-Isi Kandungan:-**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>PENERANGAN</b>	<b>CADANGAN MASA</b>
Pengenalan Mazhab	<ul style="list-style-type: none"><li>• Definisi Mazhab</li><li>• Elemen Penting dalam Pembentukan Mazhab</li><li>• Faktor-faktor perbezaan Mazhab</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 10 minit</li></ul>
Pengenalan ringkas empat mazhab utama	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sejarah Mazhab Hanafi</li><li>• Sejarah Mazhab Maliki</li><li>• Sejarah Mazhab Syafie</li><li>• Sejarah Mazhab Hanbali</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 15 minit</li></ul>
Taqlid dan Talfiq Mazhab	<ul style="list-style-type: none"><li>• Merungkai permasalahan adakah boleh keluar daripada empat Mazhab</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 15 minit</li></ul>

## **SESI KELIMA: PRAKTIS FIQH MELALUI AYAT & HADIS AHKAM**

### **1. Hasil Pembelajaran:**

- a) Memahami bagaimana para fuqaha' *istinbat* mengeluarkan hukum berkaitan dengan ayat-ayat Al-quran dan hadis
- b) Menghargai bagaimana perbezaan-perbezaan pendapat di dalam Mazhab dan fiqh
- c) Memahami hukum melalui sumber asal iaitu Al-Quran dan Hadis

### **2. Masa Kursus: 30 Minit**

### **3. Isi-Isi Kandungan:-**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>PENERANGAN</b>	<b>MASA CADANGAN</b>
Ayat Wudhu` Maida	<p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا إِذَا قُنْتُمْ إِلَى الْحَصْنَةِ فَأَعْسِلُوا وُجُوهُكُمْ وَأَبْدِيْكُمْ إِلَى الْمَرْأَةِ وَأَسْسُخُوا بِرْءَوْسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنْبَ اَفَطَقُرُوا وَكُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَالِبِ أَوْ لَمْسُتُمُ اللَّهَ فَلَمْ تَجُدُوا مَاءً فَتَمَمُوا صَبَدِيْدًا طَبِيبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَبْدِيْكُمْ مَثَلَّ بُرْدَ اللَّهِ لِيَجْعَلْ عَلَيْكُم مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ بُرْدَ لِيَطْهُرَكُمْ وَلَيُنْتَمِعْنَهُ عَلَيْكُمْ شَكْرُونَ</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• [Surah Al-Mâ'idah: 6]</li> <li>• Contoh perbezaan pandangan penentuan had dan makna pada ayat:</li> </ul> <p style="text-align: center;">فَأَعْسِلُوا وُجُوهُكُمْ أَبْدِيْكُمْ إِلَى الْمَرْأَةِ وَأَسْسُخُوا بِرْءَوْسِكُمْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 15 minit</li> </ul>
Hadith	<p>أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا تَنْقُوا الرُّكْبَيْنَ، وَلَا يَبْيَعُنَّعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ، وَلَا تَنْاجِشُوْا، وَلَا يَبْيَعُ خَاضِرٌ لِيَنْدَأِ، وَلَا تُصْنِرُوا الغَنَمَ، وَمَنْ ابْتَاعَهَا فَهُوَ بَخِيرُ النَّظَرِيْنِ بَعْدَ أَنْ يَحْتَلِبَهَا: إِنَّ رَضِيَّهَا أَمْسَكَهَا، وَإِنْ سَخْطَهَا رَدَهَا وَصَنَاعَاهَا مِنْ نَمْرٍ</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjelaskan maksud hadis secara ijmal dan tafsili</li> <li>• Menjelaskan bentuk-bentuk jual beli yang dilarang daripada hadis</li> <li>• Menjelaskan fuqaha' <i>istinba't</i> daripada hadis tersebut</li> <li>• Menjelaskan hikmah larangan jual beli terbabit</li> <li>• Bentuk-bentuk eksplorasi moden dalam perniagaan</li> <li>• Etika dalam perniagaan</li> <li>• Kaitan dengan isu semasa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 15 minit</li> </ul>

## BAHAGIAN B: MATERIAL MODUL

### **NOTA SESI PERTAMA: PENGENALAN SYARIAH & FIQH**

- **Definisi**

- i. **Syariah**

Syariah bermaksud apa-apa aturan atau ketetapan yang diwahyukan kepada Rasulullah SAW yang terdiri daripada hukum-hakam dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, yang berkait dengan bidang aqidah dan perbuatan-perbuatan mukallaf, sama ada hukum-hakam qath'i atau zhanni.

Syariah berasal daripada perkataan shara'a, yang bermaksud memperkenalkan, mengadakan dan menetapkan. Dari sudut **bahasa** ia bererti:

- Jalan menuju sumber air yang diminum oleh manusia.
- Sesuatu yang disunnahkan (diwujudkan) oleh Allah daripada urusan agama dan diperintahkan melakukannya (ما سن من الدين وأمر به)
- Agama (الملة والدين)

Dari sudut istilah:

- **Al-Syakh Manna' al-Qattan:** Sesuatu yang disyariatkan oleh Allah untuk hambanya daripada aqidah, ibadat, akhlaq, muamalat dan susunan dari pelbagai kehidupan mereka demi merealisasikan kebahagian di dunia dan di akhirat.
- ما شرع الله لعباده من العقائد والعبادات والأخلاق والمعاملات، ونظم الحياة في شعuberها المختلفة لتحقيق سعادتهم في الدنيا والآخرة

- Secara umumnya syariat merangkumi Ilmu kalam yang berkaitan dengan akidah, Ilmu Fiqh yang berkenaan dengan tindak tanduk manusia dari amalan berbentuk ibadat, muamalat dan uqubat, dan ilmu akhlak merangkumi perbersihan diri dan pembinaan diri dari kelebihan yang wajib diraih dan kehinaan yang wajib dijauhi.

## ii. Fiqh

Fiqh bermaksud al-fahmu (الفهْم) iaitu kefahaman. Ini berdasarkan doa Baginda Nabi SAW kepada Ibn 'Abbas RA: اللَّهُمَّ فَقِهْنَا فِي الدِّينِ. Fiqh merupakan kefahaman ulama terhadap nas-nas syari'ah dan pengistinbatan hukum-hakam daripadanya; fiqh terdiri daripada hukum-hakam ijtihami; fiqh hanya terhad kepada hukum-hakam amali.

- Dari sudut **bahasa** ianya berasal dari kalimat.
  - Faqiha (فَقِيهٌ يَفْقِهُ فِيهَا فَقْهًا) yang bermakna memahami maksud dari perkataan pembicara ketika terjadi komunikasi.
  - Faqaha (فَقِيهٌ يَفْقِهُ فَقَاهَةً فِيهِ فَقِيهٌ), yang bermakna faham secara mendalam iaitu menjadi pakar. Pengertian ini lebih khusus lagi dibandingkan pengertian sebelumnya
  - Dari sudut Istilah
- ✓ **البناني، حاشية البناني على شرح المحتلي، (العلم بالأحكام الشرعية العملية المكتسب من أدتها التفصيلية**
- ✓ Fiqh: Ilmu yang berkaitan dengan hukum-hakam yang bersifat amali, diinstibatkan dari dalil-dali yang terperinci.
  - Pada zahirnya fiqh bukanlah ilmu kerana ianya masih bersifat zanni. Namun disebabkan zann pada fiqh adalah kuat maka ia dianggap ilmu.

## • Persamaan dan Perbezaan Syariah & Fiqh:

### I. Persamaan

- a) Kedua-duanya berkaitan dengan Islam:

Fiqh dan syariah berkaitan dengan prinsip-prinsip dan hukum-hukum Islam.

- b) Mengandungi panduan dan peraturan:

Baik fiqh maupun syariah menyediakan panduan dan peraturan bagi umat Islam untuk menjalani kehidupan mereka.

### II. Perbezaan

Syariah dan fiqh mempunyai perbezaan yang khusus.

<b>Syariah</b>	<b>Fiqh</b>
Rabbani, atau ketuhanan kerana ia bersumberkan wahyu.	Manusiawi kerana ia bersumberkan kefahaman manusia.
Kekal sepanjang zaman dan tidak boleh berubah sama ada dengan perubahan masa, suasana atau tempat.	Dinamik dan berubah dalam melayani perubahan dan perbezaan sosio-budaya masyarakat.
Universal atau umum, merentasi batasan masa, budaya dan negara. Ia sesuai dilaksanakan pada setiap zaman dan tempat.	Partikular, atau khusus kepada kawasan dan 'urf tertentu. Kesannya lahir mazhab fiqh yang tertentu, seperti mazhab Maliki dalam budaya masyarakat Hijaz, mazhab Hanafi dalam budaya masyarakat Iraq dan mazhab Syafie dalam masyarakat Mesir. Selain itu, nama mazhab juga dinisbahkan kepada sosok tokoh dan ada juga kawasan tertentu seperti al-Tabari.

- **Ciri-Ciri Istimewa Syariah**

Para ulama biasanya menggariskan sifat-sifat berikut sebagai ciri-ciri Syariah Islam yang membezakannya dengan yang selain daripadanya.

- i. **Rabbani, iaitu ianya daripada Allah SWT.**

Syariah Islam datang daripada Allah SWT kerana ia adalah wahyu-Nya kepada Rasul-Nya, Muhammad SAW sama ada yang bersifat *matlu* atau tidak *matlu*. Wahyu yang *matlu* ialah wahyu yang diturunkan dalam bentuk pengertian dan ungkapannya sekali, iaitu sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran. Manakala wahyu yang tidak *matlu* ialah wahyu yang diturunkan dalam bentuk pengertiannya sahaja, sedangkan ungkapan yang menzahirkan pengertian itu dibuat oleh Rasulullah SAW. Jenis wahyu yang kedua ini terdapat dalam hadis Rasulullah

SAW.

Berasaskan kepada ciri pertama ini terdapat berbagai-bagai perbezaan pokok antara Syariah Islam dan Syariah-syariah yang lain. Pertama, segala prinsip dan norma yang terdapat di dalamnya tidak bersifat zalim, kurang sempurna atau mengikut hawa nafsu. Ini kerana ia ditentukan sendiri oleh Allah yang Maha Sempurna dan tidak ada apa-apa kekurangan sedikit pun, sama ada dalam zat, sifat atau perbuatan. Amat berbeza dengan Syariah yang dicipta oleh manusia sendiri. Sebagai manusia, pencipta berkenaan, sama ada secara perseorangan atau berkumpulan atau sebagainya tidak dapat membebaskan diri daripada kesilapan atau kesalahan. Selain itu, walau bagaimanapun objektif sekalipun seseorang atau sekumpulan itu dalam kerja-kerja yang dilakukan, mereka tetap juga cenderung kepada diri dan pandangan sendiri. Ini kerana setiap manusia berfikir melalui pengalaman sendiri, sama ada yang diperoleh secara formal atau tidak formal.

Kedua: Segala norma dan hukum yang terdapat di dalamnya akan dihormati dan dipatuhi oleh umat Islam atas dasar ianya adalah kehendak agama. Ketaatan atau penerimaan umat Islam terhadap norma dan hukum berkenaan sebagai sebahagian daripada prinsip beragama memberi impak yang besar terhadap jaminan pelaksanaan norma dan hukum berkenaan dalam masyarakat Islam. Ini kerana kepatuhan dan pelaksanaan norma dan

hukum berkenaan lahir dari lubuk hati yang yakin kepada kebenaran norma dan hukum berkenaan kerana ia datangnya daripada Allah.

ii. **Pembalasan di dunia dan akhirat**

Dalam Syariah Islam, pembalasan bukan sahaja dikenakan di dunia, tetapi juga di akhirat, sama ada yang melibatkan kes-kes jenayah atau kes-kes muamalat. Ini membawa erti tiada sesiapa yang akan terlepas daripada pembalasan atas perbuatan jahat yang dilakukan olehnya. Meskipun dia dapat melepaskan diri daripada pembalasan itu di dunia, namun dia tetap tidak akan terlepas darinya di akhirat kelak.

Berbeza dengan pembalasan yang dikenakan dengan di bawah undang-undang ciptaan manusia yang bersifat keduniaan semata-mata. Sekiranya sesiapa yan berbuat salah dapat melepaskan dirinya daripada pembalasan di dunia, maka dikira sudah terlepas daripada balasan yang sepatutnya diterima hasil daripada perbuatan jahatnya.

iii. **Universal dan Abadi**

Syariah Islam tidak dikhurasukan kepada mana-mana masyarakat atau bangsa tertentu, tetapi ia adalah untuk manusia seluruhnya. Firman Allah dalam surah al-A'raf, ayat 158:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا

“Katakanlah: Hai manusia, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada mu semua.”

– al-A`raf (7): 158

Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافِهً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا

“Kami tidak mengutus kamu melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan.”

– Saba (34): 28

Sementara yang dimaksudkan dengan abadi pula ialah Syariah itu tetap wajar dan berkuat kuasa sejak daripada ia diturunkan sehingga pada hari kiamat. Ia tidak akan dibatalkan atau diganti oleh mana-mana Syariah langit yang lain kerana ia adalah Syariah langit yang penyudah. Allah berfirman:

مَّا كَانَ مُحَمَّدًا أَبَا أَحَدٍ مِّنْ رَّجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّنَ<sup>۲۴</sup>

“Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penyudah nabi-nabi”

– al-Ahzab (33): 40

Sifat syariah yang universal memberikan satu kekuatan yang amat ketara berbanding dengan mana-mana system hidup yang dicipta oleh manusia sendiri.

- **Sumber-Sumber Hukum Syariah**

- i. **Sumber Primer** (Al-Adillah al-Raisiyyah)

- ✓ **Al-Quran:**

Wahyu yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk menjadi petunjuk kepada manusia bagi kehidupan mereka dunia dan akhirat. Bermula dengan surah al-Fatiyah dan berakhir dengan surah al-Nas. Diriwayatkan secara mutawatir dan membacanya merupakan satu ibadat. Perlembagaan umat Islam yang menerangkan hukum-hukum yang bersifat umum dan khusus.

Jenis-jenis hukum dalam al-Quran

1. Hukum mengenai akidah, seperti beriman dengan Allah dan para RasulNya serta hari akhirat.
2. Hukum mengenai akhlak, iaitu hukum-hukum mengenai pembersihan dan penyucian jiwa, dan yang menentukan akhlak-akhlak yang mulia dan teguh yang perlu dihayati serta akhlak-akhlak yang buruk yang perlu dihindari.
3. Hukum amali, hukum-hukum mengenai tindak tanduk dan tutur kata mukallaf selain daripada mengenai hal-hal yang disebutkan di atas.

- ✓ **Al-Sunnah:**

Al-Sunnah merupakan sumber kedua selepas al-Quran. Ia berfungsi sebagai penghurai yang lebih terperinci kepada nas al-Quran. Para Sarjana Usul al-Fiqh mendefinisikan al-Sunnah sebagai setiap perkara yang bersumberkan daripada Nabi SAW selain al-Qur'an, sama ada dalam bentuk sunnah qawliyah (perkataan), sunnah fi'iliiyah

(perbuatan) ataupun sunnah taqririyah (pengakuan) yang dapat dijadikan sebagai dalil dalam menetapkan hukum Syarak.

**Sunnah qawliyyah:**

Hadis yang disabdarkan oleh baginda Rasulullah SAW dalam bentuk kata-kata.

**Sunnah fi'liyyah:**

Perbuatan Baginda SAW.

**Sunnah Taqririyah:**

Perakuan yang dibuat oleh baginda Rasulullah SAW terhadap kata-kata atau perbuatan para sahabat secara jelas mahupun sebaliknya yang menunjukkan Baginda tidak menolak perbuatan atau kata-kata berkenaan.

✓ **Ijmak:**

Di sisi istilah para usuliyun, ijmak adalah: Kesepakatan para mujtahid dari kalangan umat islam pada suatu zaman tertentu terhadap suatu hukum syar'ie selepas kewafatan Nabi S.A.W.

**Keautoritian ijmak**

Apabila sesuatu ijmak itu berlaku dengan menepati syarat-syaratnya maka ia menjadi suatu dalil yang qath'ie ke atas hukum permasalahan yang disepakati ke atasnya tersebut. Tidak boleh diperselisih dan dibantah kerana ia hujah yang qath'ie serta menjadi kelaziman buat orang islam.

Di antara dalil yang menunjukkan kepada keautoritian ijmak adalah sabda Nabi S.A.W yang bermaksud: Umatku tidak akan berhimpun di atas kesesatan.

**Jenis-jenis Ijmak**

Ijmak terbahagi kepada dua:

**Ijmak Soreh (jelas):**

laitu para mujtahid membentangkan pendapat-pendapat mereka secara jelas, kemudian mereka bersepakat ke atas suatu pendapat tanpa ada sebarang bantahan. Maka ijmak seperti ini merupakan hujah yang qath'ie. Tidak boleh dibantah dan diperselisihi.

**Ijmak Sukuti:**

laitu seorang mujtahid mengeluarkan pendapatnya berkenaan sesuatu permasalahan. Pendapat ini diketahui, tersebar luas, dan sampai kepada mujtahidin yang lain. Kemudian mereka diam dan tidak mengingkari pendapat ini secara jelas dan tidak pula mereka menyetujuinya secara jelas.

✓ **Qiyas**

al-Qiyas dari sudut istilah sebagaimana yang disebutkan oleh para usuliyuun adalah: Menghubungkan apa-apa yang tidak warid padanya nas atas hukumnya dengan apa-apa yang telah warid ke atasnya nas hukum disebabkan persamaan illah di antara keduanya

ii. **Sumber Sekunder (Al-Thanawiyyah)**

✓ **Al- 'Urf**

Definisi Uruf: Apa-apa yang telah menjadi adat kebiasaan di sisi masyarakat dan diamalkan di dalam kehidupan daripada ucapan atau perbuatan. Uruf dan adat merupakan istilah yang sama di sisi fuqaha.

Uruf terbahagi kepada beberapa bahagian seperti berikut:

**Uruf 'amali (perbuatan):** Uruf ini merupakan amalan-amalan yang telah menjadi adat kebiasaan di sisi manusia. Contohnya: Jual beli secara ta'athi (saling memberi), pembahagian mahar kepada mahar segera dan mahar muajjal (tertangguh), masuk ke dalam tandas awam tanpa menentukan tempoh lama berada di dalamnya.

**Uruf qauli (perkataan):** Perkataan-perkataan atau lafaz yang telah menjadi kebiasaan di dalam masyarakat. Seperti mereka maksudkan

dengan lafaz-lafaz tersebut akan makna tertentu selain dari makna yang diletakkan untuk lafaz tersebut. Contohnya adalah terkenalnya penggunaan lafaz daging kepada selain dari ikan, penggunaan nama daabbah kepada haiwan yang memiliki empat kaki, serta penggunaan kalimah al-walad kepada anak lelaki dan bukannya merujuk kepada anak perempuan.

✓ **Al-Maslahah:**

Kata Imam al-Ghazali: Al-Maslahah adalah mendatangkan manfaat dan menolak kemudharatan iaitu mafsadah

Maslahah terbahagi kepada tiga:

**Al-Masolih al-Mu'tabarah** (maslahah-maslahah yang diambil kira):

Iaitu apa yang Allah mengambil kira akannya dari sudut Dia mensyariatkan baginya hukum-hakam yang sampai kepadanya. Seperti menjaga agama, nyawa, akal, maruah, dan juga harta.

**Al-Masolih al-Mulghah** (maslahah yang tidak diambil kira):

Sekalipun pada perkara-perkara ini dianggap ada kemaslahatan, akan tetapi syarak tidak mengambil kiranya sebagai maslahah. Contohnya hak samarata di antara anak lelaki dan anak perempuan di dalam mirath. Demikian juga maslahah yang akan diperoleh daripada orang yang melakukan riba dalam menambahkan hartanya. Ini juga maslahah yang tidak diambil kira oleh syarak lalu ianya dibatalkan.

**Al-Masolih al-Mursalah:**

Maslahah-maslahah ini tidak terdapat nas yang menyatakan ke atasnya. Tidak pula terdapat nas-nas yang membantahnya. Makai a dianggap sebagai maslahah mursalah di sisi usuliyuun.

✓ **Sadd al-Zarai'i**

Definisi al-Zaraai': ia adalah kata banyak dari perkataan zari'ah yang bermaksud jalan. Ia merupakan jalan yang membawa kepada mafsadah ataupun maslahah. Akan tetapi penggunaanya lebih banyak kepada jalan yang membawa kepada kerosakan. Oleh itu sad al-zarai'e adalah menutup jalan-jalan yang boleh membawa kepada kerosakan ataupun keburukan.

### **Contoh-contoh Sadd al-Zaraaie':**

- Pengharaman berkhalwat dengan ajnabi untuk mengelakkan berzina.
- Larangan untuk seorang lelaki meminang pinangan orang lain. Untuk mengelakkan permusuhan dan kebencian.
- Larangan untuk melakukan ihtikar (monopoli). Kerana ia merupakan satu jalan untuk menyempitkan urusan manusia dalam makanan asasi mereka.

#### **✓ Al-Istihsan**

Kata al-Faqih al-Halwani al-Hanafi, Istihsan adalah: Meninggalkan qiyas kerana satu dalil yang lebih kuat darinya daripada Kitab ataupun Sunnah atau Ijmak.

Imam al-Karkhi al-Hanafi pula mendefinisikannya sebagai: Seseorang berpatah semula daripada menghukum sesuatu permasalahan seperti yang dia hukumkan pada permasalahan yang hampir sama kepada hukum yang berbeza dengannya. Ini disebabkan ada suatu bentuk yang membawa perbezaan antaranya dengan yang awal.

#### **Keautoritian al-Istihsan:**

Majoriti para ulama menggunakan al-istihsan dan menganggapnya sebagai satu dalil daripada dalil-dalil hukum. Manakala sebahagian fuqaha lain pula mengingkarinya seperti golongan al-Syafieyyah. Sehingga dinukilkhan daripada Imam al-Syafie bahawa beliau berkata: Istihsan adalah berseronok-seronok dan berkata mengikut hawa nafsu. Kata beliau lagi: Sesiapa yang melakukan istihsan sesungguhnya dia telah membuat syariat

#### **✓ Qaul Sahabi**

Definisi al-Sahabi di sisi para ulama usul adalah: Sesiapa yang menyaksikan Nabi S.A.W dan beriman dengannya, dan melazimi baginda dalam tempoh yang memadai untuk digelar sebagai sahabat secara urufnya seperti para khulafa al-rasyidin.

Yang dimaksudkan dengan qaul sahabi adalah ucapan ataupun pendapat daripada seorang sahabat dalam permasalan fekah, qadha, ataupun fatwa.

✓ **Syar` man Qablana**

Definisi Syar` man Qablana adalah: Hukum-hakam yang Allah telah syariatkan kepada umat-umat terdahulu sebelum kita dan Allah turunkannya kepada para Nabi dan Rasul-Nya untuk disampaikan kepada umat-umat tersebut.

Syarak Man Qablana mempunyai beberapa jenis:

**Pertama:** Hukum-hakam yang datang di dalam al-Quran ataupun al-Sunnah dan terdapatnya dalil di dalam syariat kita yang menunjukkan ianya difardhukan ke atas kita sebagaimana ia difardhukan ke atas umat-umat terdahulu. Maka jenis yang pertama ini dianggap sebagai syariat buat kita.

**Kedua:** Hukum-hakam yang dikisahkan oleh Allah di dalam al-Quran ataupun dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W di dalam sunnahnya dan terdapatnya dalil di dalam syariat kita yang menunjukkan ianya telah dimansuhkan untuk kita iaitu ia hanya khusus untuk umat-umat terdahulu. Maka jenis yang kedua ini tidak ada khilaf bahawa ianya tidak disyariatkan untuk kita.

**Ketiga:** Hukum-hakam yang tidak disebutkan di dalam al-Quran dan juga Sunnah maka ini juga tidak menjadi syariat buat kita tanpa khilaf.

**Keempat:** Hukum-hakam yang datang di dalam al-Quran dan juga al-Sunnah akan tetapi konteks ayat tidak menunjukkan ianya masih kekal hukumnya atau sudah tiada dalam syariat kita. Maka jenis ini terdapat khilaf di sisi para ulama terhadapnya. Golongan Hanafiyah mengambil kira ia sebagai sebahagian dari syariat kita. Majoriti fuqaha lain tidak menganggapnya sebagai syariat buat kita.

✓ **Al-Istishab**

Takrif istishab dari sudut istilah adalah: Berterusan mengisbatkan apa-apa yang telah sabit ataupun menafikan apa-apa yang telah ternafi.



Al-Syaukani pula mendefinisikan istishab sebagai: Mengelakkan sesuatu perkara berdasarkan keadaan asalnya selama mana tidak terdapat sesuatu yang mengubahnya.

## **NOTA SESI KEDUA: PERKEMBANGAN ILMU SYARIAH DAN CABANG-CABANGNYA**

- **Sejarah Ringkas Perkembangan Fiqh**

- i. Perkembangan Pada Zaman Rasulullah

- Hukum diambil dari wahyu melalui penjelasan Rasulullah s.a.w. sendiri.
    - Terdapat juga kalangan Sahabat yang dibenarkan melakukan ijihad disebabkan jarak lokasi yang jauh dari Rasulullah misalnya Muaz bin Jabal yang diutuskan ke Yaman

- ii. Perkembangan Pada Zaman Sahabat

Sebarang masalah dirujuk kepada para Sahabat kerana mereka mampu mengistinbatkan hukum terus dari Al-Quran dan al-Sunnah disebabkan beberapa faktor iaitu:

- Penguasaan bahasa arab yang baik membolehkan mereka memahami Al-Quran dan sunnah dengan tepat.
    - Mengetahui asbab nuzul al-Quran dan asbab al-wurud sesebuah hadis.
    - Kebanyakan mereka adalah perawi hadis

- iii. Perkembangan Pada Zaman Tabi'in

- Para Tabi'in akan merujuk kepada Sahabat sebelum melakukan ijihad.
    - Di antara tokoh mujtahid di zaman tersebut Sa'id bin Musayyab, 'Urwah bin Zubayr, Qadi Syurayh dan Ibrahim al-Naqa'i.

- **Pengenalan Cabang-cabang Fiqh**

- i. **Fiqh Ibadat**

Hukum-hakam yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah. Ia merangkumi ibadah solat, puasa,zakat, haji dan sebagainya.

- ii. **Fiqh Muamalat**

Hukum-hakam berkaitan dengan harta seperti jual-beli, salam, hiwalah, qirad, gadaian, jaminan, hibah dan sebagainya.

- iii. **Fiqh Munakahat**

Hukum-hakam mengenai ahwal shakhsiyah (kekeluargaan) yang merangkumi perkahwinan, nafkah, perceraian, perwarisan dan sebagainya.

- iv. **Fiqh Siyasah**

Hukum-hakam berkaitan dengan sistem pemerintahan dan pentadbiran negara (siyasah syar'iyyah) merangkumi kewajipan melantik ketua negara, tanggungjawab pemimpin dan hak serta kewajipan rakyat sebagai warga negara.

**v. Fiqh Jinayat**

Hukum-hakam tentang jenayah dan hukuman; merangkumi hukuman hudud, qisas dan takzir.

- **Kepentingan Belajar Ilmu Syariah dan Fiqh**

**a) Pemahaman Terhadap Hukum Allah:**

Ilmu Syariah dan Fiqh memberikan pemahaman mendalam tentang hukum Allah sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran dan Sunnah. Ini membolehkan individu untuk menjalani kehidupan mereka dengan berlandaskan nilai-nilai Islam.

**b) Pembentukan Akhlak dan Moral:**

Memahami prinsip-prinsip Fiqh membantu dalam pembentukan akhlak dan moral yang baik. Ilmu ini mengajar tentang etika, tanggungjawab, dan tatacara berinteraksi dalam masyarakat.

**c) Peningkatan Ibadah dan Ketaqwaan:**

Dengan memahami hukum-hukum Fiqh, seseorang dapat melaksanakan ibadah dengan betul dan mendekatkan diri kepada Allah. Ilmu ini juga memperkuat aspek ketaqwaan dalam kehidupan sehari-hari.

## NOTA SESI KETIGA: PENGENALAN ILMU USUL FIQH

### 1. Definisi Usul Fiqh<sup>1</sup>:

Perkataan usul fiqh merupakan murakkab idhafi yang terdiri daripada dua kalimah iaitu usul dan juga fiqh.

Kalimah usul merupakan kata *jamak* (banyak) bagi kalimah *al-aslu*. *Al-Aslu* membawa maksud: Apa-apa yang terbina ke atasnya selain daripadanya. Al-Imam al-Isnavi ketika mendefinisikan kalimah *al-aslu* ini mengatakan ia mempunyai beberapa makna seperti berikut:

- **Al-Dalil.** Maka dikatakan: Asal bagi masalah ini adalah *ijmak*. Iaitu: Dalil bagi masalah ini adalah *ijmak*. Maka dengan makna ini Usul Fiqh adalah dalil-dalil fiqh.
- **Al-Rajih.** Ini seperti ungkapan: Asal bagi sesuatu ucapan adalah secara hakikat. Maka maksudnya adalah: Yang *rajih* (tepat) bagi sesuatu ucapan adalah dengan meletakkannya mengikut makna hakikat bukannya makna *majaz*.
- **Al-Qa'edah** (kaedah). Ini seperti ucapan: Keharusan memakan bangkai bagi orang yang dalam keadaan dharurat menyelisihi asal. Iaitu menyelisihi kaedah yang umum.
- **Al-Mustashab.** Maka dikatakan: Yang asalnya adalah lepas dari sebarang tanggungan atau bebanan. Iaitu yang diistishabkan adalah sunyinya seseorang daripada sebarang tanggungan daripada ia disibukkan dengan sesuatu.

#### i. Fiqh dari segi bahasa:

Fiqh dari segi bahasa membawa maksud: Mempunyai ilmu terhadap sesuatu dan memahaminya. Akan tetapi penggunaannya di dalam al-Quran menunjukkan bahawa fiqh itu merupakan kefahaman yang mendalam.

Al-Imam al-Baidhawi mendefinisikan fiqh dari sudut istilah dengan katanya: Ilmu berkenaan hukum-hakam syarak yang bersifat amali atau praktikal yang diambil dari dalil-dalil tafsili (bersifat juz'i).

#### ii. Fiqh dari segi istilah:

Dari sudut istilah, usul Fiqh dieertikan sebagai sebagai satu nama khas atau disebut sebagai 'Alamiyyah. Dinyatakan disini makna Usul Fiqh melalui kitab **Mausu'ah Mustolahat Usul fiqh 'Indal Muslimin** oleh Dr. Rafiq al- 'Ajam:

- Usul fiqh ialah jalan-jalan fiqh, cara *beristidlal* dengannya dan apa yang dituruti cara *istidlal*
- Usul fiqh ialah suatu yang dibina atasnya untuk mengetahui segala hukum syara'
- Usul fiqh ialah dalil-dalil yang didirikan ilmu fiqh di atasnya, dan yang sampai dengannya kepada dalil dalil *ijmal*.
- Usul fiqh ialah suatu yang didirikan ilmu fiqh di atasnya dan cabang daripadanya.
- Usul fiqh ialah dalil-dalil, cara dan martabat-martabatnya serta cara *beristidlal*
- Usul fiqh ialah dalil-dalil yang menunjukkan atasnya dari aspek jumlah (menyeluruh) bukan secara terperinci.

<sup>1</sup> [Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - IRSYAD USUL AL-FIQH SIRI 1: USUL AL-FIQH: DEFINISI, PERKEMBANGAN DAN KEPENTINGANNYA \(muftiwp.gov.my\)](http://muftiwp.gov.my)

- Usul fiqh ialah dalil-dalil fiqh dan pandangan dalil-dalilnya atau hukum syara' serta *kaifiyat* keadaan yang didalilkan dengannya dari aspek umum bukan secara terperinci.

Para ulama seperti Ibn Nujaim dan juga al-Mahlawi mentakrifkan usul fiqh sebagai:

Ilmu berkenaan kaedah-kaedah dan dalil-dalil yang bersifat ijmal (kulli) yang digunakan dengannya untuk sampai kepada proses istinbat hukum fiqh.

## 2. Perbezaan Usul Fiqh & Kaedah Fiqh

No	Usul Fiqh	Kaedah Fiqh
1	Dalil-dalil umum	Hukum-hakam yang bersifat umum
2	Fokus perbincangan ialah dalil	Fokus perbincangan ialah perbuatan mukallaf

## 3. Dalil-Dalil Al-Quran Ilmu Usul Fiqh

- Hadis

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا وجد أحدهم في بطنه شيئاً فأشكل عليه أخرج منه شيءٌ أم لا،  
فلا يخرج من المسجد حتى يسمع صوتنا أو يجد ريحنا

Maksudnya, "Nabi S.A.W bersabda, Jika kamu menghadapi masalah kesakitan perut, namun tidak pasti adakah terkentut atau tidak, janganlah keluar daripada masjid (tidak perlu berwuduk) sehingga terdengar bunyi ataupun berbau" (Muslim t.th: 276).

Cara pendalilannya ialah, asalnya seseorang yang berwuduk kekal dalam keadaan berwuduk. Ia tidak terbatal dengan semata-mata syak atau zann. Justeru, dia kekal dalam keadaan yakin bermudik sehinggalah terdapat bukti berhadas yang meyakinkan seperti bunyi kentut atau berbau.

## 4. Sumber ilmu Usul Fiqh

- Ilmu Kalam: Pemahaman terhadap dalil syarak yang merangkumi dalil umum yang berhajat untuk mengenal Allah, zat, sifat dan perbuatan-Nya serta mengenal kebenaran risalah Rasulullah SAW.
- Ilmu Bahasa Arab: Setiap dalil syarak yang di dalamnya terdapat dalil umum daripada al-Quran, as-Sunnah, ijmak, dan qias semuanya datang dalam lafaz Bahasa Arab sama ada berbentuk hakikat, majaz, umum, khusus, mutlak, dan sebagainya.
- Ilmu Syariat: Ilmu syariat yang merangkumi hukum-hukum syarak kerana tujuan mempelajari ilmu usul fiqah adalah untuk menetap atau menafikan hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf.

## 5. Perkembangan ilmu usul Fiqh

Seorang cendekiawan agama di Madinah, bernama Abdul Rahman Ibn Mahdi (198H), telah mengirimkan surat kepada Imam Syafie rhm. Dalam surat tersebut, beliau meminta Imam Syafie menghantar surat yang khusus berisikan asas-asas yang dapat digunakan oleh para ulama untuk berhukum dan berijtihad, serta panduan dalam berinteraksi dengan nas (Al-Quran dan Al-Sunnah).

Imam Syafie merespon surat tersebut dengan mengirimkan serangkaian kaedah yang ia tulis, yang kemudian dikenal sebagai Al-Risalah. Kitab ini dianggap sebagai salah satu karya terawal yang membahas secara khusus mengenai ilmu usul fiqh.

## 6. Ringkasan penulisan ilmu usul fiqh cara al-mutakallimin dan Al-Hanafiyyah

- **Tariqat al-Mutakallimin (tariqat al-Syafi'iyyah)**
  - Dimulai dengan para ulama Syafii iaitu menghubungkan dalil dengan mantiq.
  - Membina kaedah2 usul fiqh serta mengukuhkannya dengan dalil2 naqli dan 'aqli justeru dijadikan asas untuk menyelesaikan masalah hukum.
  - Tidak memasukkan masalah fiqh bahkan dibiarkan berasingan dalam kitab-kitab fiqh.
  - Karya-karya yang termasuk dalam kumpulan ini ialah:
    - i). al-Burhan oleh Imam al-Haramain Abd al-Malik bin Abd Allah al-Juwayni (m. 413H)
    - ii). al-Mu'tamad oleh Abu al-Husayn Muhammad bin Ali al-Basri (m. 413H)
    - iii) al-Mustasfa min ilm al-Usul oleh al-Imam al-Ghazali (m. 505H) 4
    - iv) al-Mahsul oleh Fakhr al-Din al-Razi (m. 606H)
    - v) al-Ahkam fi Usul al-Ahkam oleh al-Imam Sayf al-Din al-Amidi (m. 631H)
- **Tariqat al-Fuqaha' (Tariqat al-Ahnaf).**
  - Kaedah-kaedah Usul fiqh dibuat berdasarkan hukum-hukum yang telah diputuskan oleh imam-imam-mazhab mereka.
  - Karya-karya dalam kumpulan ini ialah:
    - i) Kitab al-Usul oleh Abu al-Hasan al-Karakhi (m 340H)
    - ii) Kitab al-Usul oleh Abu Bakr Ahmad bin Ali al-Jassas (m. 370H)
    - iii) Kitab al-Usul oleh Abu Zaid Abdullah al-Dabusi (m. 430H)
    - iv) Kitab al-Usul oleh Fakhr al-Islam Ali bin Muhammad al-Bazdawi (m. 482H)
    - v) Kitab al-Usul oleh Shams al-Immah ibn Ahmad al-Sarkhasi (m. 483H)
    - vi) Kitab Kasyf al-Asrar oleh Abd al-Aziz bin Ahmad al-Bukhari (m. 730H)

## 7. Peranan Usul al-Fiqh:-

### a) Penentuan Sumber Hukum (Adillah):

Usul al-Fiqh membantu menentukan sumber-sumber hukum Islam yang sah, termasuk Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma (kesepakatan para ulama), dan Qiyyas (analogi). Melalui prinsip-prinsipnya, usul fiqh membimbing para fuqaha (ahli fiqh) dalam mengidentifikasi dan menggunakan sumber-sumber hukum ini.

### b) Pemahaman Terhadap Teks-Teks Hukum:

Usul al-Fiqh membantu memahami teks-teks hukum, baik Al-Quran maupun Hadis. Prinsip-prinsip seperti Naskh (pembatalan) dan takhsis (pembatasan) digunakan untuk merinci dan memahami hukum-hukum yang mungkin tampak bertentangan.

c) **Istinbath Hukum dengan Qiyyas:**

Qiyyas adalah salah satu alat istinbath hukum yang melibatkan membuat analogi dari hukum yang sudah ada untuk situasi baru yang belum diatur dalam teks-teks hukum. Usul al-Fiqh memberikan panduan dalam menggunakan Qiyyas dengan benar dan adil.

## NOTA SESI KEEMPAT:

### 1. Definisi Mazhab<sup>2</sup>

- Perkataan mazhab berasal dari kalimah bahasa arab iaitu ذَهَبَ – يَذْهَبُ – مَذْهَبٌ . Adapun mazhab dari sudut bahasa ialah suatu pegangan yang diikuti.
- Manakala dari sudut istilah bermaksud pandangan yang dikemukakan oleh seseorang mujtahid dalam perkara furu' serta masalah yang bersifat ijtihadiyy.
- Dalam erti kata yang lain, mazhab merupakan himpunan pandangan serta teori yang menghasilkan hukum yang selaras dan bersepada.

### 2. Elemen Penting dalam Pembentukan Mazhab dan Faktor-Faktor Berlakunya Perbezaan Mazhab<sup>3</sup>

Dalam konteks fiqh, ikhtilaf merupakan perbezaan pandangan dalam membahaskan sesuatu hukum dengan maksud atau tujuan yang sama. Hakikatnya, ikhtilaf telah pun berlaku sejak zaman Rasulullah SAW, para sahabat dan tabi'in. Namun, perkembangan ikhtilaf memberi kesan yang ketara khususnya ketika zaman tabi'in. Antara faktor-faktor yang menjurus ke arah perkembangan tersebut:

a) Munculnya pandangan-pandangan yang berdasarkan penaakulan (al-Ra'y).

Terdapat di kalangan ulama yang melakukan kajian serta proses istinbat berdasarkan penaakulan (al-Ra'y) dalam menyelesaikan isu-isu tertentu yang tidak didapati hukum secara langsung menerusi nas al-Quran mahupun al-Sunnah. Maka, metodologi tersebut diajarkan kepada anak-anak murid yang mempelajari ilmu daripada mereka khususnya ilmu fiqh. Secara tidak langsung ia telah membentuk satu bentuk disiplin ilmu yang baru khususnya dalam bidang hukum syarak.

b) Perkembangan ajaran Islam di luar Hijaz

Kawasan hijaz adalah terdiri dari Mekah, Madinah dan tempat-tempat yang lain yang berada di sekitarnya. Apabila Islam berkembang di luar Hijaz menerusi pembukaan kota-kota, maka didapati pelbagai bentuk tamadun seperti tamadun Rom dan Parsi serta fahaman mahupun adat setempat yang memerlukan ketelitian dalam memahaminya. Hal ini secara tidak langsung turut mendorong ke arah perbezaan pandangan terutama dalam meraikan keperluan setempat seligimana tidak bercanggah dengan tuntutan syarak.

c) Sunnah Rasulullah SAW diajar di negara-negara umat Islam

Sunnah atau hadis Rasulullah SAW telah dikumpul melalui hafalan di dada para sahabat. Hanya sebahagian kecil sahaja di kalangan sahabat yang telah menulis pada catatan peribadi mereka. Namun, apabila Islam tersebar di negara-negara luar maka ramailah di kalangan penduduk setempat yang telah mengambil

<sup>2</sup> [https://mufti.perak.gov.my/images/minda\\_mufti/2020/artikel/sept/mazhab-pt1.pdf](https://mufti.perak.gov.my/images/minda_mufti/2020/artikel/sept/mazhab-pt1.pdf)

<sup>3</sup> Ibid

peluang dengan mempelajari hadis-hadis menerusi para sahabat. Apabila sesuatu hukum tidak ditemui dalam hadis maka kaedah ijtihad akan digunakan sebagai solusi ke arah perkara tersebut.

d) Tersebarnya fitnah di kalangan umat Islam

Kesan penyebaran fitnah telah mengakibatkan umat Islam hidup berpuak-puak sehingga mengakibatkan berlakunya pertumpahan darah. Lebih membahayakan apabila terdapat golongan tertentu yang telah mengambil kesempatan dengan mendakwa berpihak kepada kebenaran lalu mereka-reka hadis mahupun hukum hakam untuk menarik pengaruh di kalangan para pengikut mereka seperti golongan Muktazilah, Khawarij dan Syiah.

### 3. Pengenalan ringkas empat mazhab utama

#### a. Madzhab Hanafi

- Pengasas mazhab hanafi bernama al-Imam Abu Hanifah, al-Nu'man bin Tsabit, atau sering disebut dengan panggilan Abu Hanifah, beliau berasal dari Parsi yang merdeka (bukan keturunan hamba sahaya). Dilahirkan pada tahun 80 H dan wafat pada tahun 150 H. Pada mulanya beliau belajar ilmu fiqh selama 18 tahun dari ulama-ulama fiqh masyhur, salah satunya Ahmad bin Abi Sulaiman yang merupakan murid dari Ibrahim al-Nakha'i.
- Dasar yang digunakan Abu Hanifah yang dijadikan acuan di dalam mazhab hanafi, iaitu; 1) al-Qur'an, 2) al-Sunnah, 3) al-ijma', 4). al-Qiyas, 5). al-Istihsan. Dan diantara imam-imam mujtahid mutlak lainnya, Abu Hanifah dikatakan yang paling banyak menggunakan qiyas.
- Awal permulaan mazhab hanafi berkembang dan dikenal di Mesir, ketika itu ada seorang Qadhi bermazhab Hanafi di sana yang bernama Ismail bin Yasa' al-Kufi dan dia adalah orang yang mengembangkan mazhab hanafi di Mesir, terutama selama kerajaan Islam berada dalam kekuasaan Khalifah Abbasiyyah, sehingga berkembanglah mazhab ini secara beransur-ansur. Kemudian tersebar luas di Algeria, Tunisia, Syam, Iraq, India, Afganistan, Turkestan, Kaukasus, Turki, dan Balkan.

#### b. Mazhab Maliki

- Pengasas mazhab Maliki adalah Malik bin Anas, beliau hidup di Madinah antara tahun 710-795 M. Semasa hidupnya beliau tidak berhijrah untuk menuntut ilmu, dari kecil beliau menuntut ilmu di Madinah hingga mengajar juga di Madinah. Beliau memegang jawatan Mufti beberapa ketika, sebelum menjadi Imam besar.
- Diantara orang-orang yang mula-mula memperkenalkan kitab-kitab fiqh mazhab Imam Malik di Mesir ialah, Usman bin Hakam Al-Jazami, Abdurrahman bin Khalid bin Yazid bin Yahya, Ibn Wahab dan Rasyid bin Sa'ad. Dan diantara yang giat sekali menyiarannya ialah, Abdurrahman bin Qasim, Ibnu'l Hakam dan Haris bin Miskin.

- Selanjutnya mazhab Mailiki masuk ke Andalus oleh Zaid bin Abdul Rahman al-Qurtubi pada zaman pemerintahan Hisyam, hingga banyak ulama-ulama Maliki di sana dan aliran mazhab Maliki semakin berkembang. Kitab-kitab yang banyak terpakai di Andalus ialah, kitab selepas Muwattha', iaitu kitab "Wadhihah" karangan Abdul Malik bin Habib, dan kitab "Atabiyah" karangan Atabi murid Ibnu Habib.
- Setelah itu, Mazhab Maliki semakin menunjukkan perkembangannya hingga ke Afrika yang dikembangkan oleh Sahmun bin Sa'id bin Al-Tanukhi. Kitab-kitab yang masyhur pada saat itu adalah kitab "Asadiyah" yang dikarang oleh Asad bin Furad dan kitab "Tribih" karangan Abu Sa'id Al-Baradi'i.

**c. Mazhab Syafi'i**

- Mazhab Syafi'i didirikan oleh Abu Abdullah Muhammad bin Idris al-Syafi'i. Beliau wafat pada tahun 204 H. Selama hidupnya beliau pernah tinggal di Baghdad, Madinah, dan terakhir di Mesir.
- Imam Syafi'i adalah seorang Mujtahid yang sangat banyak pengalamannya mengenai cara menulis Fiqh di Iraq, di Hijaz dan kemudian di Mesir.
- Mazhab Syafi'i itu terletak diantara dua fahaman yang sangat berlainan, iaitu Mazhab Hanafi (beliau berguru dengan anak-anak murid Imam Abu Hanifah), yang banyak menggunakan akal, dan Mazhab Maliki (beliau berguru sendiri dengan Imam Malik bin Anas) yang banyak menggunakan nas.
- Beliau juga disebut sebagai orang pertama yang membukukan ilmu usul fiqh, karyanya yang termasyhur adalah al-Umm dan al-Risalah.
- Dalam sejarah perkembangan mazhab ini, ada beberapa ulama Islam yang berpegang dengan mazhab Imam Syafi'i, antara yang terkenal, iaitu; Imam Al Ghazali, Al-Nawawi, Ibnu Hajar al-Asqalani, dan Abu Hasan Al-Asy'ari.

**d. Mazhab Hambali**

- Pengasas Mazhab Hambali adalah Abu Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hambal bin Hilal Al-Syaibani atau sering dikenal dengan Imam Ahmad bin Hambal. Beliau dilahirkan di Baghdad pada bulan Rabi'ul Awal 164 H (780M). Beliau dibesarkan dengan sang ibunya, ayah beliau wafat ketika beliau masih bayi. Sejak kecil beliau sudah menunjukkan minatnya mendalami ilmu pengetahuan hingga pergi ke Basrah, Yaman dan Mesir untuk mendalami ilmu pengetahuannya.
- Dasar mazhab Hambali terletak atas empat, iaitu; pertama Nas, kedua fatwa sahabat, ketiga Hadis dan keempat qiyas. Diantara kitab-kitab yang dikarangnya yang termasyhur ialah "Musnad Ahmad ibn Hanbal".
- Antara mereka yang menjadi guru Ahmed bin Hanbal adalah Imam Shafi'i. Murid Imam Ahmad yang terkenal ialah, Abdul Malik ibn Abdul Hamid ibn Mihran al-

Maimuni, Ahmad ibn Muhammad ibn Hani Abu Bakar al-Atsran, Ibrahim ibn Ishaq al-Harbi.

- Imam Ahmad wafat di Baghdad pada usia 77 tahun , tepatnya pada tahun 241 H (855 M) pada zaman khalifah al-Wathiq. Selepas wafatnya beliau, mazhab hambali berkembang luas dan menjadi salah satu mazhab yang memiliki banyak pengikutnya.

#### **4. Pengenalan kitab-kitab utama bagi setiap mazhab**

##### **a. Mazhab Hanafi:**

- Zahir al-Riwayat.  
Di dalam kitab ini mengandungi kitab karya susunan Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani:
  - Jami' al-Kabir, Jami' al-Saghir, Siyar al-Kabir, Siyar al-Saghir, Al-Mabsut, Ziyadah. Al-Kaisaniyat, Al-Haruniyat, Al-Jurjaniyat, Riqiyat. Kesemuanya ini karya Muhammad al-Hasan al-Syaibani.
- Nawazil karya al-Samarqandi,
- Majmu' al-Nawazil karya al-Natifi,
- Kanzu Ad-Daqaiq
- Hasyiyatu Radd Al-Muhtar Ala Ad-Dur Al-Mukhtar

##### **b. Mazhab Maliki:**

- Al-Mudawwanah. Pendapat Malik di dalam kitab al-Mudawwanah lebih utama berbanding Ibn al-Qasim. Pendapat Ibn al-Qasim di dalam kitab al-Mudawwanah lebih utama berbanding pendapat orang lain. Pendapat orang lain di dalam kitab al-Mudawwanah lebih utama berbanding pendapat Ibn al-Qasim di dalam kitab yang lain kerana kitab al-Mudawwanah memuatkan pendapat yang sah (sahih dan muktamad)
- At-Taj wal-Iklil Li Mukhtasar Khalil B. Ishak
- Hasyiah ad-Dusuqi 'ala syarh al-Kabir lid Dardir

##### **c. Mazhab Syafi'i:**

- Minhaj al-Tholibin.
- Tuhfatul Muhtaj.
- Nihayatul Muhtaj.
- Mughni al-Muhtaj.
- Umdah al-salik wa `uddah al-nasik
- Safinah al-naja
- al-Yaqut al-Nafis Fi Mazhab Ibn Idris

##### **d. Mazhab Hambali:**

- Al-Mughni.
- Syarh al-Kabir.
- Kasyf al-Qina'.

- Syarh al-Muntaha al-Iradat.
- Syarh al-Zad.
- Syarh al-Dalil

## NOTA SESI KELIMA:

### Ayat Al-Quran

• يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُتِلُوكُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوهُ وُجُوهُكُمْ وَأَيْدِيهِكُمْ وَأَرْجُلُكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَأَطْهِرُوهُ أَوْ إِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَ�بِطِ أَوْ لَمْسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَبَرَّمُوا صَعِيدًا طَيْبًا فَامْسَحُوهُ بِوُجُوهِهِمْ وَأَيْدِيهِمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكُنْ يُرِيدُ لِيُطْهِرُكُمْ وَلِيُتَمَّ زَعْمَتُهُ عَلَيْكُمْ لَعْنَكُمْ شَكُورُونَ

[Surah Al-Mâ' idah: 6]

*Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah - debu yang bersih, iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatnya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.*

- Ayat-ayat al-Qur'an itu ada yang bersifat qath'i, ada juga yang zhanni. Dari segi al-tsubut atau ketetapan serta dinaqalkan daripada Rasulullah s.a.w kepada umat Islam adalah bersifat qath'i.
- Tetapi dari segi al-dalalah atau kandungan kefahaman ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan hukum, dapat dibezakan atas ayat-ayat qath'i dan zhanni.
- Ayat-ayat qath'i al-dalalah iaitu ayat-ayat yang pasti maksud serta tafsirannya sehingga tidak ada lagi intrepretasi yang lain, kecuali yang telah dipilih dan ditetapkan. Sementara ayat-ayat zhanni al-dalalah adalah yang masih mengandung dua atau lebih kemungkinan tafsirannya.

### Antara Feadah daripada Tafsir al-Qurtubi

1. Menurut al-Imam Qurtubi, para ulama berbeza pendapat (beserta hujah-hujah mereka di dalam tafsir al-Qurtubi) tentang maksud ayat yang menyatakan: "Apabila kamu hendak mendirikan solat...".
  - Ada yang berpandangan ini adalah kata-kata umum bagi setiap orang yang hendak berdiri untuk solat, sama ada dia sudah suci atau dalam keadaan hadas (tidak suci). Oleh itu, dia sepatutnya berwuduk apabila setiap kali hendak solat.
  - Ada yang berpandangan ayat ini khas kepada Nabi Muhammad s.a.w.
  - Ada berpandangan maksud ayat ini adalah untuk berwuduk sebelum setiap solat sebagai galakkan (sunat sahaja), bukan wajib.
  - Ada yang berpendapat wuduk adalah wajib untuk setiap solat, tetapi peraturan ini diubah selepas pembukaan Kota Mekah.
  - Dikatakan juga maksud ayat ini adalah apabila kamu bangun dari tidur untuk solat.
2. Kebanyakan ulama berpendapat bahawa maksud ayat ini "adalah apabila kamu hendak mendirikan solat" dalam keadaan hadas (tidak suci), selepas daripada ayat ini menceritakan bagi orang yang ada air, sehingga mencapai bahagian di mana Allah berfirman: "Maka sucilah diri kamu." Selanjutnya, selepas ayat ini, menyebutkan tentang

keadaan “jika kamu dalam keadaan junub, maka bersucilah”. Ini merujuk kepada keadaan di mana tiada air, sama ada kamu dalam junub hadas kecil atau besar. Perkataan **لَمْسُثُ الْنِسَاء** membawa maksud “bersetubuh”, ini adalah pandangan Imam Syafi‘i

3. Ayat berkenaan “Basuhlah...” empat anggota badan disebutkan, iaitu wajah yang diwajibkan untuk dibasuh dan juga kedua-dua tangan, kepala yang diwajibkan hanyalah disapu. Ada perbezaan pandangan (sama ada disapu atau dibasuh) berkenaan anggota kaki. Ia menunjukkan bahawa segala yang lain daripada 4 anggota tersebut adalah sunat sahaja hukumnya.

- Menurut mazhab Syafie, dalam membasuh muka, air perlu dialirkan kepada muka dan tangan perlu dilakukan ke atasnya barulah dikira sebagai basuhan.
- Ada pendapat yang lain menyatakan bahawa membasuh hanya memerlukan air mengalir ke wajah tanpa perlu digosokkan dengan tangan. Jika seseorang merendam seluruh wajah atau tangan dalam air tanpa menggosok, ia sudah dianggap membasuh.
- Bagi mereka yang memiliki janggut, jika bulu di dagu adalah tipis hingga kulit terlihat, air perlu disampaikan ke kulit. Tetapi jika janggut sangat tebal, maka hanya wajib membasuhnya seperti membasuh rambut kepala sahaja.
- Imam Malik mengatakan bahawa tidak perlu menyelati janggut dengan tangan.
- Ibn Abd al-Hakam menyatakan bahawa menyelati janggut adalah wajib ketika wuduk dan mandi.
- Abu Umar meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. pernah mencuci janggutnya semasa berwuduk, tetapi hadis tersebut adalah lemah.
- Ibn Khuzaymah menyebut bahawa para fuqaha sepakat bahawa menyelati janggut tidak wajib dalam wuduk.
- Abu Umar mengatakan bahawa sesiapa yang menjadikan membasuh seluruh janggut sebagai wajib, dia telah menjadikannya sebahagian daripada wajah.
- Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai sama ada perintah untuk membasuh muka dalam wuduk juga merangkumi kawasan dalam hidung dan mulut juga atau tidak.
  - i. Imam Ahmad bin Hambal, berpendapat bahawa itu adalah wajib dalam wuduk dan mandi. Walau bagaimanapun, Imam Ahmad menyatakan bahawa seseorang perlu mengulangi wuduk jika dia meninggalkan basuhan hidung dalam wuduknya, tetapi tidak perlu mengulangi wuduk jika dia meninggalkan berkumur.
  - ii. Selainnya, fuqaha' berpendapat bahawa basuhan hidung dan mulut adalah sunat dalam wuduk dan mandi, kerana perintah hanya menjangkau kepada yang luaran dan tidak ke bahagian dalam. Kata mereka, orang Arab hanya merujuk kepada bahagian muka yang terlihat untuk dianggap sebagai wajah.
  - iii. Jadi, pendapat majoriti fuqaha' adalah bahawa basuhan hidung dan mulut adalah sunat dalam wuduk dan mandi, bukan wajib. Imam Ahmad adalah salah seorang yang berpendapat berbeza dalam hal ini.

## Hadis

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا تَلْقَوُ الرُّكْبَانَ، وَلَا يَبْيَعُ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ، وَلَا تَنَاجِشُوا، وَلَا يَبْيَعُ حَاضِرٌ لِبَادٍ، وَلَا تُصْرُّوا الْغَنَّمَ، وَمَنْ ابْتَاعَهَا فَهُوَ بَخْيَرُ النَّظَرِينَ بَعْدَ أَنْ يَتَنَاهِيَ إِنْ رَضِيَّهَا أَمْسَكَهَا، وَإِنْ سَخْطَهَا رَدَّهَا وَصَنَاعًا مِنْ تَمِّ

- Menjelaskan maksud hadis secara ijmal dan tafsili
- Asbab Wurud Hadis
- Menjelaskan maksud-maksud (istilah) di dalam hadis tersebut:-

- i. Talaqqu Rukban,
  - ii. Tanajasyu
  - iii. Bay' Hadhir Libadin
  - iv. Tasarruf al-ghanam
- 
- Menjelaskan bentuk-bentuk jual beli yang dilarang daripada hadis
  - Menjelaskan fuqaha' istinba't daripada hadis tersebut
  - Menjelaskan hikmah larangan jual beli terbabit
  - Bentuk-bentuk eksploitasi moden dalam perniagaan
  - Etika dalam perniagaan
  - Kaitan dengan isu semasa

#### **Adab-adab khilaf (perbezaan pendapat)<sup>4</sup>**

- Panduan Adab Perselisihan Pendapat Pada Zaman Rasulullah S.A.W.
  - i. Para Sahabat r.a berusaha untuk tidak berselisih pendapat seboleh mungkin. Oleh itu, mereka menghindarkan diri daripada memperbanyakkan soalan dan perincian.
  - ii. Apabila perselisihan pendapat berlaku, meskipun usaha untuk menghindarinya dijalankan, mereka akan segera merujuk perkara yang diperselisikan itu kepada al-Qur'an dan sunnah.
  - iii. Para Sahabat menerima dan menyerah sepenuhnya terhadap hukum Allāh SWT dan Rasūlullāh SAW.
  - iv. Para Sahabat RA menghormati pendirian masing-masing dan menghindari sikap fanatik terhadap sesuatu pendapat.
  - v. Beriltizam dengan sifat takwa dan menjauhi hawa nafsu dengan menjadikan kebenaran satu-satunya tujuan mereka berselisih pendapat.
  - vi. Beriltizam dengan adab-adab Islam dengan memilih kata-kata yang baik dan menghindari kata-kata yang tajam di antara mereka yang berselisih, berserta dengan sikap yang baik sewaktu mendengar pendapat masing-masing.
  - vii. Menghindari pembicaraan yang panjang dengan fokus kepada asas persoalan yang dibincangkan.
  
- Panduan Adab Perselisihan Pendapat Pada Zaman Sahabat r.a.

---

<sup>4</sup> Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam, Dr. Ṭāha Jābir Fayyād al-‘Alwānī

Contoh:

- i. Perselisihan Pendapat Antara Para Sahabat r.a Tentang Pusara Rasūlullāh SAW

Para Sahabat r.a berselisih pendapat mengenai tempat yang sewajarnya Rasūlullāh SAW dimakamkan. Ada yang berkata, "Kita makamkan Baginda di dalam masjid." Ada pula yang berkata, "Kita makamkan Baginda bersama-sama sahabat-sahabatnya." Lalu Abū Bakar r.a berkata, "Aku mendengar Rasūlullāh SAW bersabda, "Tidaklah diwafatkan seorang Nabi melainkan dimakamkan di tempat ia diwafatkan." Maka, diangkatlah tikar tempat Rasūlullāh SAW wafat dan digalilah pusara untuknya. Perselisihan pendapat yang timbul daripada dua persoalan penting ini selesai dengan merujuk kepada al-Qur'ān dan sunnah.

- ii. Walaupun para Sahabat r.a banyak berselisih pendapat tetapi mereka tetap memelihara adab mereka. Sebagai contoh Ibn 'Abbās r.a mengajak Zaid r.a dan orang-orang yang bersama dengannya ke bucu kaabah dan meminta untuk berdoa supaya laksana Allāh SWT ditimpakan kepada orang-orang yang berdusta. Walaupun tindakan Ibn 'Abbās r.a agak keras, tetapi Zaid r.a tetap memelihara adabnya terhadap Ibn 'Abbās r.a kerana menghormati ketinggian ilmunya. Begitulah para Sahabat r.a dalam berbeza pendapat tetapi ia tidak mengurangkan rasa cinta, hormat dan kasih sayang antara mereka

- Panduan Adab Perselisihan Pendapat Pada Zaman Khulafa' Ar-Rasyidin.

- i. Mereka berusaha menghindari perbezaan pendapat.
- ii. Sekiranya terdapat pendapat yang lebih berautoriti, mereka segera menyahut kebenaran dan mengakui kesalahan tanpa ada perasaan rendah diri dan kekurangan.
- iii. Ukhuwah Islamiyyah adalah asas utama daripada asas-asas ajaran Islam.
- iv. Dalam masalah-masalah i'tiqādiyyah, perbezaan pendapat tidak berlaku sama sekali.
- v. Kesepakatan pendapat tercapai apabila mereka berkumpul dan berbincang di Madinah.
- vi. Para qurrā' dan fuqaha mempunyai kepakaran dalam menyelesaikan khilaf melalui metode dan manhaj penetapan hukum.
- vii. Pandangan mereka terhadap pendapat yang lain merupakan satu cara untuk memperkasakan ilmu dan bukannya mengaibkan

- Panduan Adab Perselisihan Pendapat Pada Zaman Tabi'in.

Pada zaman Tābi'iñ mereka juga berbeza pandangan dalam beberapa perkara dan apabila hadith sahih datang kepada mereka tiada seorang pun menyalahi dan mereka semua mengikutinya

- Panduan dan Adab Perbezaan Pendapat Dalam Kalangan Imam Mazhab.

Perbezaan pendapat berlaku dalam kalangan para imam mazhab melalui pelbagai persoalan ijtihādiyyah namun tidak menghalang mereka daripada menghormati pendapat dan pandangan antara satu sama lain. Bahkan adab sesama mereka adalah yang terbaik dalam sejarah keilmuan Islam. Terdapat banyak contoh ketinggian akhlak peribadi, iaitu:

- i. Imām Mālik misalnya adalah imam yang paling berpengaruh pada zamannya tetapi tetap menghormati pandangan-pandangan ulama yang hidup sezaman dengannya. Sebagai contoh Imām Mālik telah menolak permintaan Khalīfah al-Manṣūr yang ingin menyeragamkan pendapat-pendapat fiqh yang pelbagai dan menyelesaikan perbezaan pendapat yang berlaku. Dapat dilihat di sini ketinggian peribadi Imām Mālik yang meraikan kepelbagaian pendapat.
- ii. Imam Abū Ḥanīfah juga mempunyai perbezaan pendapat yang besar dengan Imām Mālik yang mana mereka berbeza dari faktor usia. Namun itu tidak menghalang mereka menghormati antara satu sama lain dengan adab yang tinggi.
- iii. Muḥammad bin al-Ḥasan adalah sahabat utama Imām Abū Ḥanīfah. Beliau pernah membandingkan ilmu antara Imām Abū Ḥanīfah dengan Imām Mālik. Namun, Imām al-Shāfi‘ī telah menyatakan kelebihan dan keutamaan Imām Mālik yang menguasai Al-Qur’ān dan sunnah, lalu terdiamlah Imam Muḥammad bin Al-Hassan.
- iv. Imām al-Shāfi‘ī pernah berdebat dengan Muḥammad bin Al-Ḥasan sehingga terpancar peluh di tengkuknya dan terputus butang bajunya. Namun begitu, beliau tetap mengagumi pandangan dan pendapat Imām al-Shāfi‘ī kerana keterangan dan keteguhan beliau dalam bersoal jawab dan sifatnya yang teliti.
- v. Ibn ‘Uyaynah berbeza pendapat dengan Imām Mālik tentang hadith. Namun, Ibn ‘Uyaynah lebih mengagungkan ketinggian ilmu dan mengangkat martabat Imām Mālik. Imām Mālik dianggap sebagai orang yang paling alim di Madinah.
- vi. Ketinggian adab Imām al-Shāfi‘ī terhadap Imām Mālik boleh dilihat daripada ungkapan ini: “Mālik bin Anas adalah guruku kerana daripada beliaulah aku mengambil ilmu. Apabila disebut ulama, maka Mālik adalah bintangnya. Tiada seorang pun yang lebih aku percaya selain daripada Mālik bin Anas.”
- vii. Imām Aḥmad bin Ḥanbal mengiktiraf Imām Mālik dalam ilmu hadith ketika ditanya siapakah yang paling berhak bagi seseorang itu untuk menghafal hadith daripadanya? Lalu, Imām Aḥmad menjawab: "Hendaklah dia menghafaz hadith Imām Mālik."
- viii. Imām al-Shāfi‘ī pernah meriwayatkan pandangan Imām Mālik ketika beliau ditanya tentang Imām Abū Ḥanīfah. Maka jawabnya, "Seandainya dia datang dekat tiang-tiang masjid ini, lalu dia beranalogi bahawa tiang-tiang ini adalah kayu, nescaya kamu menyangka bahawa ia kayu." Riwayat ini menggambarkan betapa pakarnya Imām Abū Ḥanīfah dalam ilmu qiyās.
- ix. Terdapat banyak sekali riwayat Imām Aḥmad yang menggambarkan kedudukan dan kemuliaan ilmu Imām al-Shāfi‘ī. Ketika ditanya oleh anaknya tentang Imam Syafie, beliau menjawab Imām al-Shāfi‘ī laksana matahari bagi dunia ini dan laksana kesihatan bagi manusia yang tidak dapat dicari ganti. Ketika Imām Aḥmad juga ditanya tentang sesuatu hadith yang beliau tidak mengetahuinya, lalu beliau berkata Imām al-Shāfi‘ī ada berkata mengenainya kerana beliau adalah imam yang alim daripada bangsa Quraish.

- x. Imām al-Shāfi‘ī juga mengiktiraf kelebihan dan keilmuan Imām Aḥmad. Beliau pernah berkata bahawa Imām Aḥmad lebih mengetahui mengenai hadith dan perawinya sekalipun ianya dari Kufah, Basrah atau dari Sham.

Demikianlah contoh-contoh adab, akhlak, dan ketinggian budi pekerti yang ditonjolkan oleh para imam terhadap imam-imam yang lain. Mereka mengenepikan dan menangkis segala ketaksuhanan dan fanatik dalam sesuatu pendapat serta mengiktiraf dengan memuliakan pendapat ahli ilmu. Mereka berusaha sebaik mungkin daripada memburukkan ahli ilmu yang lain. Namun, pada hari ini ketandusan adab perbezaan pendapat dalam kalangan ahli ilmu ini berlaku kerana sikap taklid fanatik dan merosotnya akhlak ahli ilmu dan pandangan mereka terhadap ilmu. Dalam suasana dan situasi kita hidup berpecah belah dan bertikai-pangkai dalam setiap persoalan kita, seharusnya kita kembali bernaung di bawah pohon rimbun yang penuh berkat itu, di mana kita dapat berpadu pada adab yang mulia yang ditinggalkan oleh para Salaf al-Šalihin kepada kita, jika benar-benar kita bersungguh-sungguh hendak memulai kehidupan Islam yang mulia.



**Rujukan:**

- Pengantar Syariat Islam, karangan Mohd. Saleh Haji Ahmad
- Manhaj Ilmu Fiqah & Usul Fiqah, karangan Abdul Azib Hussain
- Madkhal Lil Dirasah As-Syariah Islamiyah, karangan Dr Abdul Karim Zaidan